# **Apa itu Perintah Pengecualian** dan Had Lawatan Pihak Ketiga?

Perintah Pengecualian dan Had Lawatan Pihak Ketiga adalah perlindungan sosial yang ditadbir oleh Mailis Kebangsaan terhadap Masalah Perjudian ("NCPG") untuk melindungi individu yang mempunyai masalah kewangan yang mengunjungi kasino. Perjudian boleh bertukar menjadi ketagihan jika tidak dikawal dan boleh memberi kesan negatif kepada penjudi dan keluarga mereka.

Jika anda adalah Warganegara atau Penduduk Tetap Singapura yang mengunjungi kasino tempatan, anda mungkin menerima surat daripada NCPG untuk menjalankan penilaian keadaan kewangan anda.

Individu yang didapati berpotensi mengalami masalah kewangan atau mempunyai rekod kredit yang lemah akan diberikan Had Lawatan Pihak Ketiga. Perintah Pengecualian Pihak Ketiga boleh dikenakan untuk kes-kes yang lebih serius.



## **Soalan Yang Sering Ditanya**

#### Mengapa saya perlu memberi dokumen kewangan saya kepada NCPG?

Dokumen yang diserahkan akan membantu NCPG menilai keadaan kewangan anda. Maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan hanya akan digunakan untuk penilaian kedudukan kewangan anda. Jika anda dijemput oleh NCPG untuk mengisytiharkan keadaan kewangan anda tetapi anda gagal berbuat demikian, had lawatan atau perintah pengecualian boleh dicadangkan berdasarkan maklumat yang NCPG ada.

# Bagaimanakah saya mengisytiharkan keadaan kewangan

- Melalui SingPass di www.ivems.ncpg.org.sg; atau
- Hubungi NCPG untuk membuat temu janji di talian 6354 8154

#### Apakah dokumen kewangan yang perlu saya serahkan?

Dokumen kewangan utama seperti Notis Taksiran IRAS, penyata bank, laporan kredit dan dokumen lain yang menunjukkan simpanan atau pelaburan.



SEGALA MAKLUMAT YANG DIBERI



## Sumber-sumber

#### Peiabat kami terletak di:

510 Thomson Road, #05-01, Bangunan SLF, Singapura 298135

#### Waktu Operasi:

Isnin hingga Khamis: 8.30 pagi - 6.00 petang Jumaat: 8.30 pagi – 5.30 petang Tutup pada hujung minggu dan cuti umum

#### Pertanyaan dan Temu Janji:

Tel: 6354 8154 Emel: admin@ncpg.org.sg


#### Di mana saya boleh dapatkan bantuan?

Talian Bantuan Masalah Perjudian Kebangsaan di 1800-6-668-668 atau Webchat di www.ncpg.org.sg 8 pagi hingga 11 malam setiap hari

\*Caj masa siaran dikenakan untuk panggilan telefon bimbit ke talian perkhidmatan 1800.



# **Ketahui Lebih Lanjut Mengenai Perintah** Pengecualian dan Had **Lawatan Pihak Ketiga**











Proses Had Lawatan / Perintah Pengecualian Pihak Ketiga



**ATAU** 

Surat **Pemberitahuan** 

Anda menerima surat ini kerana NCPG telah mendapati bahawa anda kerap mengunjungi kasino




Sila serahkan dokumen anda melalui:



SingPass di

ΔΤΔΙΙ

Hubungi NCPG untuk membuat temu janji di talian 6354 8154



Anda boleh memilih untuk



perintah yang dicadangkan

Jika anda tidak membantah perintah yang dicadangkan, anda akan menerima surat pengesahan perintah selepas 14 hari.



**Tiada Perintah** 

Tiada tindakan lanjut diperlukan.

Semakan oleh **Jawatankuasa** Penilai (COA)

COA akan menyemak maklumat yang diberikan dan memutuskan sama ada had lawatan atau perintah pengecualian akan memberi manfaat kepada anda, Seterusnya, anda akan menerima surat perintah yang dicadangkan atau surat tiada



**Bantahan** terhadap Perintah yang Dicadangkan

Jika anda ingin membantah, anda boleh menyerahkan permohonan dalam masa 14 hari bersama-sama dengan dokumen kewangan anda.

Semakan oleh **Jawatankuasa** Penilai (COA)

COA akan mempertimbangkan permohonan anda, Anda akan menerima surat mengenai keputusan COA.

Perintah Pengesahan

Perintah pengesahan akan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalam surat anda. Jika anda tidak bersetuju dengan perintah pengesahan tersebut, anda boleh membuat rayuan dalam masa 30 hari 💥 dari tarikh perintah pengesahan.

#### **ATAU Tiada Perintah**

Permohonan bantahan anda berjaya. Tiada tindakan lanjut diperlukan.

Rayuan terhadap **Perintah Pengesahan** 

Jika anda ingin membuat rayuan, anda boleh menverahkan permohonan anda dalam masa 30 hari dari tarikh perintah pengesahan.



## Perintah Pembatalan / Perubahan

Jika keadaan kewangan anda telah berubah sejak perintah pengesahan, anda boleh menghubungi NCPG di atau pengubahan kepada perintah anda.

Anda akan dirujukkan kepada agensi yang dilantik oleh kami untuk penilaian masalah perjudian dan kaunseling.

Semua kos akan ditanggung oleh NCPG

Semakan oleh **Anggota Mailis NCPG** 

NCPG akan menyemak maklumat

Semakan oleh Anggota Majlis NCPG

Anggota Majlis akan menyemak maklumat yang diberi dan memutuskan jika perintah tersebut akan memberi manfaat kepada anda atau janya harus dibatalkan. Anda akan menerima surat mengenai keputusan Majlis sama ada rayuan anda berjaya atau tidak.





Perintah diubah ATAU

Perintah kekal

ATAU

Perintah dibatalkan

### Mengira Had Lawatan Anda


Contoh: Puan Ng mempunyai Had Lawatan Pihak Ketiga sebanyak 2 lawatan sebulan. Dia boleh mengunjungi kasino dua kali dalam sebulan untuk tempoh 24 iam setiap kali. Dia boleh keluar dan masuk semula ke kasino dalam tempoh 24 iam.

Nota: Untuk mengelak daripada melebihi Had Lawatan Pihak Ketiga anda, anda dinasihatkan supaya mencatat rekod lawatan anda secara manual.





Puan Ng boleh keluar dan masuk semula ke kasino yang sama berulang kali dalam tempoh 24 jam dan ia dikira sebagai 1 lawatan.



Lawatan pertama bermula dari 9.00 pagi pada 1 Mei dan tamat pada 8.59 pagi pada 2 Mei. Lawatan kedua bermula pada 9.00 pagi pada 2 Mei dan tamat pada 8.59 pagi pada 3 Mei.











Satu lawatan sudah digunakan apabila seseorang memasuki kasino yang berbeza. Oleh itu, jika Puan Ng memasuki kedua-dua kasino pada hari yang sama, dia telah menghabiskan had lawatannya sebanyak 2 kali.



Pelanggara









Had lawatan telah dicapai selepas anda melawati Kasino A sebanyak dua kali. Lawatan ketiga ke Kasino B akan dianggap sebagai pelanggaran had lawatan dan merupakan sebuah kesalahan. Puan Ng boleh disiasat oleh Pihak Berkuasa Regulatori Perjudian.



Lawatan bulan Mei bermula dari 10.00 malam pada 31 Mei dan tamat pada 9.59 malam pada **1 Jun**. Lawatan bulan Jun, yang bermula pada 1**0.00 malam** pada 1 Jun akan tamat pada 9.59 malam pada 2 Jun.